



"Tampin Indah Bersih Selamat"

PEJABAT MAJLIS DAERAH TAMPIN,  
73000 TAMPIN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Tel: 06-4411601/609 Faks: 06-4413001

E-mel: [mdt@mdtampin.gov.my](mailto:mdt@mdtampin.gov.my)

Laman Sesawang: <http://www.mdtampin.gov.my>

## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA KERJA

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Suruhanjaya Tenaga. **KONTRAKTOR-KONTRAKTOR JUGA DIPELAWA BAGI YANG TELAH BERDAFTAR DENGAN MAJLIS DAERAH TAMPIN SAHAJA.**
2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** selaras dengan **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN** yang berkuatkuasa. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Lawatan tapak akan dibuat sekiranya terdapat permohonan dari pihak kontraktor sebelum pembelian borang sebutharga.
3. Borang Sebutharga akan dijual pada harga **RM 50.00**. Borang ini boleh diperolehi di **Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan MDT (Tingkat 2)**. **HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) / CIDB DIBENARKAN MEMBELI BORANG SEBUTHARGA DAN WAKIL/SURAT WAKIL KUASA TIDAK DIBENARKAN.** Kontraktor dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (Social Distancing) semasa berurusan di kaunter MDT. Sebarang pelanggaran arahan pihak tuan akan di ambil tindakan.
4. Setiap kesilapan pada Borang Sebutharga hendaklah ditandatangani balas, tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (**liquid paper**).
5. **Tempoh sah laku sebutharga**  
Sebutharga ini sah laku dalam **tempoh 90 hari** dari tarikh mengemukakan Sebutharga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku Sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
6. Borang Sebutharga yang telah **diisi dan dilengkapkan serta berlakri** hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga mengikut nombor Sebutharga yang tertera di bahagian hadapan Peti Sebutharga (Peti Tawaran) dan mendaftar memasuki peti tawaran di Bahagian Kejuruteraan Dan Bangunan, Majlis Daerah Tampin. **Nombor Sebutharga dan Tajuk Kerja** hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. **Borang Sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di bawah.**
7. **Kontraktor-kontraktor G1 hingga G3 yang berdaftar dengan Majlis Daerah Tampin, Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB di bawah Kategori dan Pengkhususan** berikut dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai Sebutharga di bawah :-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK (PEMBIAYAAN)**	TARAF / JENIS SYKT	GRED KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TEMPAT TAKLIMAT & DOKUMEN MULAI DIJUAL	TEMPAT / TARIKH & WAKTU SEBUTHARGA DITUTUP
SH(N) 82/2021	PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI DAERAH TAMPIN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	<b>G1 – G3 Bumiputera</b>	Kategori: <b>ME</b> (Mekanikal Dan Elektrikal) Pengkhususan :  <b><u>E04</u></b>  <b>DAN</b>  <b><u>E06</u></b>	Bahagian Kejuruteraan & Bangunan, Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan D.K.  Penjualan Borang Sebutharga dibuka bermula <b>29.09.2021 – 06.10.2021</b> dari jam 9.00 pagi – 4.30petang sahaja	Pejabat Majlis Daerah Tampin, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus. (Di Bahagian Kejuruteraan & Bangunan)  <b><u>07.10.2021</u></b> <b><u>KHAMIS</u></b>  Jam : <b><u>12.00 tengahari</u></b>



*"Tampin Indah Bersih Selamat"*

**PEJABAT MAJLIS DAERAH TAMPIN,  
73000 TAMPIN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

Tel: 06-4411601/609 Faks: 06-4413001

E-mel: [mdt@mdtampin.gov.my](mailto:mdt@mdtampin.gov.my)

Laman Sesawang: <http://www.mdtampin.gov.my>

## **KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA PEMBEKALAN**

2. Sebutharga adalah dipelawa kepada Pembekal atau Syarikat-Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf Bumiputera / Bukan Bumiputera** dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya.
2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** selaras dengan **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN** yang berkuatkuasa. Pembekal atau Syarikat-Syarikat dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Lawatan tapak akan dibuat sekiranya terdapat permohonan dari pihak Pembekal atau Syarikat-Syarikat sebelum pembelian borang sebutharga.
4. **Borang ini boleh diperolehi di Jabatan Perancang Bandar dan Landskap MDT (Tingkat 2).** Pembekal atau Syarikat-Syarikat dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (**Social Distancing**) semasa berurusan di kaunter MDT. **Sebarang pelanggaran arahan pihak tuan akan di ambil tindakan.**
4. Setiap kesilapan pada Borang Sebutharga hendaklah ditandatangani balas, tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (**liquid paper**).
5. **Tempoh sah laku sebutharga**  
Sebutharga ini sah laku dalam **tempoh 90 hari** dari tarikh mengemukakan Sebutharga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku Sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
6. Borang Sebutharga yang telah **diisi dan dilengkapi serta berlakri** hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga mengikut nombor Sebutharga yang tertera di bahagian hadapan Peti Sebutharga (Peti Tawaran) dan mendaftar memasuki peti tawaran di Jabatan Perancang Bandar dan Landskap, Majlis Daerah Tampin. **Nombor Sebutharga dan Tajuk Pembekalan hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang Sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di bawah.**
7. Pembekal atau Syarikat-Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf Bumiputera / Bukan Bumiputera** dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai Sebutharga di bawah :-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK (PEMBIAYAAN)**	TARAF / JENIS SYKT	KOD BIDANG / SUB BIDANG / PECAHAN SUB BIDANG	TEMPAT TAKLIMAT & DOKUMEN SEBUTHARGA	TEMPAT / TARIKH & WAKTU SEBUTHARGA DITUTUP
SH(MDT) 01/2021 - P	Kerja-Kerja Pembekalan Peralatan Elektrikal Bagi Majlis Daerah Tampin Tahun 2021	<b>Bumiputera / Bukan Bumiputera</b>  <b>Berdaftar di Kementerian Kewangan</b>	<b>Kod Bidang : 14 / 02</b> (Peralatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik / Alat Kelengkapan Pejabat)  <b>Sub Bidang : 05 / 03</b> (Sistem, Komponen Elektrik, Elektronik, Lampu dan Aksesori / Kabel, wayar, Elektrik & Aksesori / Perkakas Elektrik)  <b>Pecahan Sub Bidang : 01 / 02 / 03</b> (Perkakas Elektrik dan Aksesori / Komponen dan Aksesori Elektrik Elektronik / Lampu, Komponen Lampu dan Aksesori / Wayar Elektrik & Aksesori)	Bahagian Perancang, Landskap & Pelaburan, Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan D.K.  29.09.2021 hingga 07.10.2021 <b>(Pengambilan Borang Sebutharga dibuka sehingga 06.10.2021 (RABU) sahaja</b>  Tempat pengambilan Borang :  <b>Jabatan Perancang Bandar dan Landskap Tingkat 2, Majlis Daerah Tampin</b>	Pejabat Majlis Daerah Tampin, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus. (Di Bahagian Perancang, Landskap & Pelaburan)  <b><u>07.10.2021</u></b> <b><u>KHAMIS</u></b>  <b>Jam :</b> <b><u>12.00 tengahari</u></b>

27 September 2021



## NOTIS TAWARAN IKLAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:-

No. Sebutharga	:	<b>SH(W)02/2021-W</b>
Tajuk Sebutharga	:	<b>PERKHIDMATAN SEWAAN MESIN PENYALIN (FOTOSTAT) MAJLIS DAERAH TAMPIN</b>
Syarat Pendaftaran	:	Kod Bidang:- <b>221502</b>
Tarikh Buka	:	<b>29 September 2021 (Rabu)</b>
Tarikh Tutup	:	<b>07 Oktober 2021 (Khamis)</b>

Borang Sebutharga akan dijual pada harga **Dua Puluh Ringgit Sahaja (RM 20.00)**.

Dokumen Sebutharga hanya boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Perbendaharaan, Majlis Daerah Tampin.

Dokumen Sokongan Tawaran Sebutharga (hardcopy) yang telah lengkap diisi perlu dan masukkan ke dalam sampul surat. Luar sampul sila catatkan Tajuk Sebutharga dan Nombor Sebutharga serta di masukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti alamat berikut:-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TAMPIN  
73000 TAMPIN**

**Tarikh tutup tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada 07 Oktober 2021 (Khamis)**

Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Majlis Daerah Tampin tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan berkenaan sebutharga boleh hubungi Puan Nor Maziah binti Hj. Zakaria di talian tel. 06-4414364.